

PANDUAN
SKIM GERAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN DAN EKOSISTEM
(DEVELOPMENT AND ECOSYSTEM RESEARCH GRANT SCHEME - DECoR)

BAHAGIAN 1
MAKLUMAT GERAN DAN PENAWARAN

1.1 FALSAFAH

Kelestarian pembangunan merupakan satu usaha berterusan Universiti Utara Malaysia (UUM) ke arah membudayakan penyelidikan dan menjadikan pengetahuan sebagai amalan dan penentuan polisi yang bersesuaian bagi tujuan pembangunan ekosistem UUM yang terancang. Usaha ini adalah bagi mewujudkan warga universiti yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak dan berkemampuan untuk mencorak pembangunan universiti melalui daya intelek dan perkongsian kepakaran yang ditransilasikan dalam bentuk pembangunan.

Skim Geran Penyelidikan Pembangunan dan Ekosistem (Development and Ecosystem Research Grant Scheme – DECoR) dapat menggalakkan penajaan ilmu dan perkongsian kepakaran yang mampu menghasilkan hasil penyelidikan yang boleh diimplementasi bagi kesejahteraan warga kampus secara khususnya, dan negara amnya.

1.2 DEFINISI

1.2.1 DECoR ialah singkatan kepada **D**evelopment and **E**cosystem **R**esearch (DECoR). Ia adalah inisiatif Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk meningkatkan penyelidikan di samping membudayakan pengetahuan dalam amalan dan pembentukan polisi dalam ekosistem pembangunan dalam Universiti.

1.2.2 Projek merujuk kepada projek pembangunan atau ekosistem yang sedang atau akan berjalan di dalam UUM sahaja dengan pembiayaan penuh projek oleh Universiti. Projek pembangunan atau ekosistem yang dibiayai oleh industri atau agensi luar tidak layak menerima Geran DECoR.

1.3 TUJUAN

Matlamat Geran DEcoR adalah:-

1.3.1 untuk memudahkan ekosistem pembangunan dalam universiti dan merangsang perkongsian kepakaran antara ahli akademik dan pentadbiran, yang akan meningkatkan peranan masing-masing yang menyumbangkan kepada pembangunan universiti yang terancang.

1.3.2 untuk menyemarakkan aktiviti penyelidikan melalui *co-design* dan *co-production of solution* bagi memacu kelestarian pembangunan dan ekosistem dalam kampus UUM.

1.4 MOD PENYELIDIKAN

Geran DEcoR ini ditawarkan dalam dua (2) mod berikut:-

- a. Mod 1: Penyelidikan terhadap projek pembangunan dan ekosistem dalam UUM yang memerlukan suntikan dana daripada Geran DEcoR; dan
- b. Mod 2: Penyelidikan terhadap projek pembangunan dan ekosistem dalam UUM yang dipersetujui secara bersama oleh penyelidik dan pemilik projek pembangunan.

Permohonan di bawah Mod 1 adalah permohonan untuk mendapatkan suntikan dana tambahan bagi melaksanakan aktiviti penyelidikan terhadap projek-projek pembangunan yang telah diluluskan di UUM, melalui kolaborasi antara penyelidik dan jabatan pemilik projek pembangunan seperti Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Pusat Pangajian dan lain-lain. Setiap projek penyelidikan akan dibiayai maksimum sehingga RM10,000.00. Projek pembangunan dan ekosistem yang terlibat adalah projek-projek yang telah dikenalpasti atau dipersetujui oleh sekretariat Geran.

Manakala permohonan di bawah Mod 2 adalah permohonan untuk tujuan pendaftaran projek penyelidikan di bawah Geran DEcoR tanpa melibatkan apa-apa suntikan dana tambahan dari Geran DEcoR. Projek penyelidikan ini akan dibiayai sepenuhnya oleh pemilik projek pembangunan dan ekosistem menggunakan

peruntukan projek pembangunan yang berkenaan. Tidak terhad kepada projek yang dikenalpasti oleh pihak sekretariat.

1.5 SILING PERMOHONAN

Bagi permohonan di bawah Mod 1, Setiap projek penyelidikan yang akan dibiayai di bawah Geran DEcoR ini adalah maksimum sehingga RM10,000.00. Manakala bagi permohonan di bawah Mod 2, tiada sebarang bentuk pembiayaan akan diberikan kepada permohonan.

1.6 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh pelaksanaan penyelidikan adalah selama 12 bulan hingga 18 bulan. Sebarang perlanjutan masa perlu mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatan Kuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI).

1.7 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

(A) Syarat Umum

1.7.1 Geran DEcoR layak dipohon oleh mana-mana ahli akademik UUM yang berstatus tetap atau kontrak.

1.7.2 Jika perjawatan ketua penyelidik adalah berstatus kontrak, kumpulan penyelidikan perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang penyelidik bersama dalam kalangan ahli akademik yang berstatus perjawatan tetap.

1.7.3 Ketua projek penyelidikan wajib dalam kalangan ahli akademik dan wakil projek pembangunan adalah sebahagian ahli kumpulan penyelidik (penyelidik bersama).

1.7.4 Seorang penyelidik tidak boleh menjadi ketua kepada lebih daripada satu (1) projek penyelidikan di bawah Geran DEcoR dalam satu masa yang sama.

1.7.5 Nilai maksimum geran adalah RM10,000.

1.7.6 Permohonan perlu mempunyai rakan projek pembangunan di UUM dengan ciri berikut: -

- i. Projek pembangunan telah diluluskan pelaksanaannya oleh Universiti.
- ii. Bagi projek pembangunan yang telah selesai, permohonan penyelidikan mestilah dibuat dalam tempoh enam (6) bulan daripada tempoh projek pembangunan disahkan siap sepenuhnya.

1.7.7 Pemohon/Penyelidik perlu memilih rakan projek pembangunan yang telah dikenalpasti sendiri oleh penyelidik.

(B) Syarat Khusus

1.7.8 Semua permohonan penyelidikan bagi Geran DEcoR perlu disertakan bersama surat persetujuan kerjasama penyelidikan daripada pemilik projek pembangunan.

1.7.9 Proposal penyelidikan mestilah mengikut tema atau projek pembangunan yang telah dikenalpasti.

1.8 PERATURAN PERMOHONAN

1.8.1 Setiap permohonan perlu menggunakan borang permohonan yang telah disediakan seperti di **Lampiran A**.

1.8.2 Borang permohonan yang lengkap perlu disokong oleh Dekan Pusat Pengajian / Pengarah Pusat Kecemerlangan / Pusat Tanggungjawab sebelum dimajukan kepada pihak Sekretariat Geran DEcoR.

1.8.3 Permohonan hendaklah dihantar kepada sekretariat seperti berikut:

Sekretariat Skim Geran DEcoR
Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA)
Universiti Utara Malaysia
06010, UUM Sintok, Kedah

1.8.4 Proposal penyelidikan yang telah diterima akan disemak pematuhan pada syarat umum dan syarat khusus oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal di CeTMA serta dinilai oleh sekurang-kurangnya dua panel penilai proposal

yang dilantik oleh CeTMA. Seterusnya akan dibawa ke Jawatankuasa Pemilihan.

1.8.5 Permohonan yang melepasi sesi penilaian seperti Perkara 1.8.4 akan dipanjangkan ke Mesyuarat JKPI untuk kelulusan.

1.8.6 Pemohonan yang berjaya akan dimaklumkan secara bertulis.

1.8.7 Carta Alir Proses Permohonan Geran DEcoR boleh dirujuk di **Lampiran B**.

1.9 KRITERIA PENILAIAN

1.9.1 Penyelidikan yang mampu memberikan hasil yang boleh diimplementasi bagi kesejahteraan warga kampus secara khususnya dan negara amnya.

1.9.2 Hasil penyelidikan yang disasarkan adalah bersangkutan dengan projek pembangunan yang dibiayai oleh UUM dan perlu berkait dengan satu atau lebih tiang kelestarian iaitu Kemanusiaan, Planet, Keuntungan dan Budaya (People, Planet, Profit, and Culture - 3P1C).

1.9.3 Penyelidikan yang mempunyai nilai *demand driven* atau impak dalam industri/komuniti/agensi/pembangunan negara.

1.9.4 Penyelidikan berpotensi dalam menghasilkan produk inovasi dan aktiviti pengkomersilan.

1.10 PERATURAN KEWANGAN

1.10.1 Semua penyelidikan adalah tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti dan peraturan lain yang diguna pakai oleh pihak RIMC UUM serta tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

1.10.2 Jenis pembiayaan yang boleh diluluskan di bawah Mod 1 adalah seperti berikut:-

- Vot 11000

Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)/Graduate Intern (GI)/Pegawai Penyelidik/Pembantu Penyelidik (RA)/Pembanci.

○ **Vot 21000**

Perjalanan dan Pengangkutan - Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek. Perjalanan ke luar negara adalah tidak dibenarkan. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

○ **Vot 24000**

Sewaan - Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

○ **Vot 27000**

Bekalan dan Bahan Penyelidikan - Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

○ **Vot 28000**

Baik pulih kecil dan ubahsuai - Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan ketika penyelidikan masih aktif.

○ **Vot 29000**

Perkhidmatan Ikhtisas. **Vot ini meliputi lain-lain caj perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, pengurusan, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.**
Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis - Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang

berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan secara kumulatif. Jumlah perbelanjaan (ii) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

- **Vot 35000**

Aksesori dan Peralatan - Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan. Peruntukan tidak termasuk pembelian peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan. Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran. Pembelian peralatan khas tidak boleh ditukar milik kepada pihak pemilik projek pembangunan.

1.10.2 Jenis pembiayaan bagi permohonan di bawah Mod 2 adalah tertakluk kepada persetujuan penyelidik dan pemilik projek pembangunan.

1.11 SKOP PEMBAYARAN DAN MERIT

1.11.1 Jumlah bilangan penawaran geran adalah tertakluk kepada jumlah peruntukan yang sedia ada dan tertakluk kepada keputusan daripada semua jawatankuasa yang menilai.

1.11.2 Bagi projek penyelidikan di bawah Mod 2, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

1.12 HASIL PENYELIDIKAN

1.12.1 Setiap projek penyelidikan adalah dijangkakan untuk menghasilkan satu antara yang berikut, dengan bukti pencapaian atau bukti perubahan dalam amalan (*good of practices*):

- a. Sasaran projek yang perlu dicapai – indikator boleh nilai seperti keuntungan (Ringgit Malaysia), kadar penjimatan dan lain-lain (perlu dilampirkan bukti pencapaian atau bukti perubahan dalam amalan oleh pihak yang berautoriti); atau

- b. Modul latihan, subjek pengajaran, demonstrasi yang telah dilaksanakan dan setaraf; atau
- c. Inovasi / teknologi / pemindahan ilmu sama ada dalam bentuk prototaip atau pembangunan sistem; atau
- d. Penerbitan seperti jurnal, buku, kertas polisi atau setaraf.

1.12.2 Output (a) hingga (c) perlu didaftarkan dengan Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC) sekurang-kurangnya satu harta intelek.

1.13 PENGUMUMAN TARIKH BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN

Bagi permohonan di bawah Mod 1, pihak sekretariat akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan melalui hebahan dalam email. Permohonan di bawah Mod 2 adalah terbuka sepanjang masa.

BAHAGIAN 2

PROSEDUR PENILAIAN

2.1 PENILAIAN

2.1.1 Setiap permohonan akan melalui dua sesi penilaian iaitu Penilaian Teknikal di peringkat sekretariat CeTMA dan Penilaian Khas.

2.1.2 Hanya proposal yang melepasi penilaian teknikal sahaja akan dipanjangkan ke Jawatankuasa Penilaian Khas yang dilantik dalam kalangan ahli akademik dan pentadbiran UUM mengikut bidang kepakaran.

2.1.3 Permohonan yang telah disenarai pendek oleh Jawatankuasa Penilaian Khas akan dipanjangkan ke Jawatankuasa Pemilihan.

2.1.4 Proposal yang terpilih akan dibawa ke Mesyuarat JKPI untuk diperakukan.

2.2 LANTIKAN PANEL PENILAIAN

Lantikan panel penilai akan dibuat oleh CeTMA.

2.3 KEPUTUSAN PENILAIAN

Surat kelulusan Geran DEcoR akan dimajukan kepada ketua penyelidik.

BAHAGIAN 3 PEMANTAUAN

3.1 IMPLEMENTASI

3.1.1 Penyelidikan yang telah dianugerahkan geran DEcoR akan dipantau dari aspek kemajuan penyelidikan oleh sekretariat CeTMA manakala kemajuan dalam pengurusan perbelanjaan berhemah akan dipantau oleh RIMC.

3.1.2 Penyelidik perlu membentangkan laporan kemajuan penyelidikan dalam satu kolokium yang dianjurkan oleh sekretariat.

3.1.3 Penyelidik perlu menghantar laporan kemajuan setiap enam (6) bulan dan laporan ini akan dibentangkan dalam mesyuarat JKPI oleh sekretariat.

3.2 PENGAWALAN PENYELIDIKAN

3.2.1 Pihak CeTMA akan memastikan penyelidikan yang diluluskan mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan memastikan penyelidik dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang telah ditetapkan serta menghasilkan output yang dijanjikan. Proses pemantauan adalah tertakluk kepada prosedur pemantauan penyelidikan seperti yang digariskan oleh RIMC.

3.2.2 Pembelian aset adalah hak milik UUM dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang ditetapkan.

3.2.3 Jika perlu, perlanjutan masa boleh dipohon 3 bulan sebelum tarikh tamat penyelidikan dan sebarang kelulusan perlanjutan tempoh penyelidikan adalah tertakluk kepada kelulusan dari JKPI.

3.3 PENALTI

JKPI boleh menggantung atau memberhentikan mana-mana projek penyelidikan dalam beberapa keadaan seperti berikut: -

3.3.1 Penyelidik yang gagal memulakan penyelidikan dalam masa enam (6) bulan setelah diluluskan oleh JKPI tanpa sebab yang munasabah akan ditarik balik kelulusan peruntukan dan penyelidikan tersebut dianggap batal. Penyelidik boleh diarahkan membayar balik perbelanjaan yang telah digunakan. Oleh itu

penyelidik adalah dinasihatkan supaya menghubungi urusetia sekiranya penyelidikan tidak dapat dimulakan pada tarikh yang dicadangkan.

3.3.2 Mana-mana penyelidikan yang gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan termasuk telah diluluskan perlanjutan masa oleh JKPI akan dikategorikan sebagai penyelidikan bermasalah dan akan dikemukakan kepada JKPI untuk tindakan selanjutnya.

3.3.3 Mana-mana penyelidikan yang telah dikategorikan sebagai penyelidikan bermasalah akan diberi tempoh selama 6 bulan untuk disiapkan. Sekiranya penyelidik gagal memenuhi syarat tersebut, beliau boleh diarahkan membayar balik semua perbelanjaan yang telah digunakan.

3.3.4 Terma ini tertakluk kepada syarat perjanjian geran DEcoR.

BAHAGIAN 4

TADBIR URUS DAN PERANAN

4.1 PENGURUSAN GERAN

4.1.1 Pengurusan Geran DEcoR diletakkan di bawah tanggungjawab RIMC dengan struktur berikut: -

Penaung:	Naib Canselor UUM
Penasihat:	Timbalan Naib Canselor UUM
Pengerusi:	Pengarah RIMC
Setiausaha	Pengarah CeTMA
Ahli:	Bendahari
	Pengarah Canselori
	Pengarah IPQ
	Pengarah ICC
	Timb. Pengarah RIMC (Penyelidikan)
	Profesor (1)

4.1.2 Tadbir urus Geran DEcoR adalah di bawah tanggungjawab CeTMA, manakala urusan perbelanjaan dan kewangan geran adalah di bawah tadbir urus RIMC.

4.1.3 CeTMA akan berperanan sebagai sekretariat geran yang melaksanakan tugas-tugas berikut:

- a. menawar, mempromosi dan membuat hebahan berkaitan Geran DEcoR;
- b. mengenalpasti dan melantik panel penilai proposal penyelidikan;
- c. mengenal pasti projek atau rakan kolaborasi dalam kalangan pemilik projek pembangunan di UUM;
- d. menentukan format penilaian proposal penyelidikan;
- e. memantau pergerakan penyelidikan dari masa ke semasa; dan

- f. memperakukan status penyelidikan sama ada selesai dengan jayanya atau gagal.

4.2 SYARAT PENUTUPAN GERAN

4.2.1 Bagi tujuan penutupan geran, penyelidik adalah tertakluk kepada perkara berikut: -

- a. Terma perjanjian antara penyelidik dan pemilik projek pembangunan (sekiranya ada); dan
- a. Pencapaian sasaran penyelidikan seperti yang disasarkan pada kelulusan Geran.

4.2.2 Borang Perakuan Tamat Penyelidikan beserta Laporan Teknikal perlu dihantar kepada RIMC untuk tujuan perakuan tamat projek penyelidikan.

4.2.3 CeTMA bertanggungjawab melapor penyelidikan beserta hasil dalam JKPI dan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU).

4.3 DEKLARASI

Semua maklumat di atas adalah tertakluk kepada pindaan yang dibuat oleh UUM.